

'Dakwaan Iskandar diugut, bawa bukti jangan hanya cakap'

Oleh MOHD. HUSNI

MOHD.NOOR

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin sepatutnya mengemukakan bukti bahawa Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid diugut untuk menyokong Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tuduhan Ahli Parlimen Larut itu serius dan beliau tidak sepatutnya hanya bercakap.

"Kalau dia ada bukti dia kena bawa kes, tapi apa lagi dia nak kata. Saya tahu saya belum jumpa dia (Iskandar Dzulkarnain). Saya belum ada *contact* (hubung) dan saya tak hantar wakil dan tak tahu siapa yang ugut.

"Kalau ada bukti, keluarkan jangan pakai bebal saja. Kalau ada (bukti), ini satu tuduhan serius dan dia (Hamzah) patut bawa laporan dan biar ada siasatan," katanya selepas melancarkan Symposium - *The Path Towards Greater Prosperity For Malaysia* di sini semalam.

Menurut Anwar, beliau setakat ini belum lagi berjumpa atau berhubungan dengan Iskandar tetapi beliau berterima kasih atas sokongan itu.

Sebelum ini, Hamzah yang juga Setiausaha Agung Perika-



ANWAR Ibrahim selepas majlis pelancaran Symposium - *The Path Towards Greater Prosperity For Malaysia* di Putrajaya semalam.

tan Nasional (PN) mendakwa Iskandar diugut atas kesalahan rasuah sekiranya enggan menandatangani kenyataan media yang disediakan lebih awal untuk menyokong kerajaan.

Beliau mendakwa, pada 1 Oktober lalu, wakil rakyat itu didakwa dibawa bertemu den-

gan seorang pegawai tertinggi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sebuah hotel di Damansara dan diugut akan didakwa atas kesalahan rasuah sekiranya enggan menandatangani kenyataan media berkenaan.

Iskandar dalam kenyataan

sebelum ini menyatakan menyokong kepemimpinan Perdana Menteri dan keputusan itu dibuat selepas meneliti rintihan berterusan pengundi dan keperluan mendesak menangani masalah krisis kenaikan kos sara hidup yang melanda kawasannya.